

Negara Islam

Sesuai dengan tuntutan zaman moden sekarang, negara Islam ialah sebuah negara demokrasi.

Memang sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli-ahli siyarah dunia bahawa pertentangan antara negara-negara di dunia sekarang, bukanlah terletak dalam soal negara-negara kapitalis atau negara komunis, pertentangan yang sebenarnya ialah antara demokrasi dengan diktator. Ada setengah-setengah negara yang ingin membentuk diktator dari suatu kelas dalam masyarakat. Agama Islam tidak dapat menyetujui suatu negara diktator perseorangan mahu pun diktator segerombolan, baik diktator suatu kelas mahupun diktator satu parti.

Tiap-tiap pemerintahan diktator tidak lain akibatnya hanyalah perkosaan dari suatu pihak kepada pihak yang lain, pemerasan dari suatu golongan berkuasa yang kecil jumlahnya terhadap golongan rakyat yang diperintah yang banyak jumlahnya. Tiap-tiap perkosaan dan pemerasan walaupun dengan rupa apa juga ditentang sehabis-habisnya oleh agama Islam sebagai musuh nombor satu yang mesti dihapuskan.

Negara Musyawarah

Negara Islam ialah negara musyawarah, negara kedaulatan rakyat. Kedaulatan yang setinggi-tingginya bukanlah terletak dalam titah seseorang, tetapi kedaulatan itu tersimpul dalam musyawarah. Yang berdaulat dengan sendirinya itu hanyalah Allah Ta'ālā semata-mata, tunggal dengan tidak ada duanya. Adapun manusia walaupun berpangkat apa juga, baik dia menjadi Yang di-Pertua Negara mahu pun rakyat biasa, hanyalah makhluk belaka, yang menyerahkan dan menerima kedaulatan-Nya dari dan dalam musyawarah.

Memang sudah ada contoh yang terjadi sebelum Islam tentang demokrasi. Di dalam al-Qur'ān ada diceritakan sikap ratu kerajaan Yaman yang bernama "Balqis" (10 kurun sebelum masihi), yang baharu menerima tawaran siyarah dari Nabī Sulaiman dari kerajaan Israil.

Dalam surah al-Naml, dari ayat 29 sampai 35

diceritakan bahawa Ratu Yaman itu telah memanggil sekalian pemimpin-pemimpin dan orang besar-besar untuk bermusyawarah tentang jawapan apa yang sebaiknya terhadap hubungan kenegaraan dari Raja Sulaiman itu. Begitu sikap Nabī Sulaiman sendiri setelah datang jawapan yang rasmi dari Ratu Balqis itu, dipanggil pula pemimpin-pemimpin dan orang-orang besar dalam negaranya untuk bermusyawarah.

Bahkan juga dalam masyarakat Semenanjung Arab sendiri, berlaku juga hukum demokrasi walau pun masih bercorak aristokrat. Kaum Quraisy mempunyai wakil-wakil yang selalu bersidang dalam majlis musyawarah yang bernama "Dār al-Nadwah". Walaupun secara permulaan, dasar-dasar demokrasi sudah mulai dijumpai dalam pergaulan masyarakat Arab. Penduduk padang Ṣahrā' yang berhati merdeka itu, tidak sedikit

pun dapat menerima suatu corak pemerintahan yang autokrasi. Maka tumbuhlah pemerintahan Quraisy yang sifatnya di dalam politik dinamakan “aristodemokrasi” ialah suatu pemerintahan demokrasi dalam masyarakat yang masih aristokrasi, yang berkasta bangsawan. Pemboikotan ekonomi dan sosial terhadap Nabī yang berjalan sampai tiga tahun lamanya, begitu juga keputusan bunuh yang hendak dijatuhkan atas Nabī ketika baginda keluar berhijrah ke bandar Madinah, ialah hasil persidangan yang berhari-hari lamanya dari Parlimen Quraisy (Dār al-Nadwah). Parlimen yang masih berbau aristokrat ini telah lumpuh dan habis tenaganya ketika berhadapan dengan negara Islam yang bersifat demokrasi yang sebenar-benarnya, zahir dan batinnya itu.

Menurut sejarah demokrasi Barat, sejarahnya dimulai dari zaman Yunani (Greek tua), dari filsufnya yang terkenal: Soqrāt. Sudah panjang jalan yang dilalui oleh demokrasi, dan dalam perkembangan yang lanjut itu dia semakin mendapat bentuk yang lebih sempurna dan isi yang lebih lengkap. Demokrasi bukan lagi mengenai politik, tetapi tumbuh lagi faham demokrasi baharu yang memperluangkannya dengan demokrasi ekonomi dan demokrasi sosial.

Kedaulatan rakyat bukan lagi semata-mata dalam menguasai politik negara tetapi juga di dalam menentukan bentuk serta jalannya ekonomi dan sosial.

Adapun syarat-syarat mutlak bagi demokrasi suatu negara, ialah:

1. Perwakilan. Rakyat yang berjuta-juta jumlahnya supaya tidak kehilangan hak kedaulatannya di dalam menentukan haluan negara, mestilah suaranya diwakili oleh

orang-orang yang mereka pilih sendiri. Wakil-wakil yang menjadi saluran suara dari seluruh rakyat itulah yang menghitam putihkan negara. Maka tumbuhlah soal “pemilihan” yang diakui menjadi hak mutlak bagi segala lapisan rakyat.

2. Musyawarah. Wakil-wakil rakyat itu lantas berkumpul sehingga merupakan suatu dewan perwakilan rakyat, untuk bermusyawarah di dalam segala soal. Musyawarah hendaklah dilakukan dengan sebebaskan-bebasnya sehingga tidak ada suatu kekuasaan jua pun yang dapat memperkosa kebebasan wakil-wakil tersebut untuk melahirkan suaranya.

3. Suara yang terbanyak. Di dalam membahaskan segala perkara oleh wakil-wakil rakyat yang terdiri dari berbagai aliran dan pendirian itu, diambillah suatu cara yang tidak merugikan kepada kedaulatan suara dan sifat perwakilan itu, ialah mengambil keputusan menurut suara yang terbanyak.

4. Tanggungjawab. Supaya parlimen serta anggota-anggotanya didokong dengan sebenar-benarnya oleh segala lapisan rakyat, maka tiap-tiap rakyat hendaklah memberikan tanggungjawab yang sepuh-penuhnya terhadap tiap-tiap keputusan yang sudah diambil oleh dewan perwakilan itu. Mereka hendaklah tunduk dengan taat, kerana memandang keputusan itu ialah suara hati mereka sendiri.

5. Daerah autonomi. Demokrasi hendaklah kelihatan juga di dalam susunan pemerintahan daerah, ialah memberi kebebasan yang sepuh-penuhnya bagi rakyat daerah untuk menentukan aturan-aturan di dalam daerahnya sendiri, dengan tidak berlawanan dengan aturan umum

dari pemerintahan pusat. Antara pemerintahan pusat dengan pemerintahan daerah sampai daerah-daerah yang kecil-kecil di bawahnya, ada hubungan bertingkat-tingkat. Dengan demikian, walau daerah yang kecil sekalipun ada dewan perwakilannya, yang dapat merundingkan dan bermusyawarah di dalam segala soal daerahnya.

Inilah syarat mutlak yang mesti dipunyai oleh sebuah negara demokrasi. Negara Islam semenjak dari berdirinya, sudah mempunyai dasar-dasar demokrasi yang lebih sihat dan lengkap dari demikian. Agama Islam menyimpulkan syarat-syarat demokrasi kepada dua macam ajarannya yang terkenal:

1. *Ūlī al-Amr*. Dalam ajaran *Ūlī al-Amr* ini termasuklah sudah syarat yang pertama dan yang keempat, yang tersebut di atas, iaitu perwakilan dan tanggungjawab. Agama Islam memandang suara *Ūlī al-Amr* (wakil-wakil rakyat) amat tinggi dan berkuasa, sehingga tidak ada suara dan perintah yang mesti ditaati di bawah perintah Allah dan Rasul (Qur'ān dan hadis), melainkan ialah suara dan perintah *Ūlī al-Amr*. Sebab itu tanggungjawab dari tiap-tiap rakyat kepada keputusan *Ūlī al-Amr*, adalah begitu besar, sehingga mentaatinya termasuk suatu suruhan agama yang tidak boleh dibantah.

2. Musyawarah dalam ajaran ini termasuklah syarat-syarat yang kedua, ketiga dan kelima. Tetapi hukum musyawarah dalam negara Islam adalah lebih luas daripada yang boleh dijangka orang di dalam hukum demokrasi yang paling moden sekalipun.

Tentang hak-hak musyawarah ini ada disebutkan dalam dua ayat:

1. Dalam surah al-Shūrā, ayat 31 (ertinya):

... . “dan segala perkara mereka adalah dengan musyawarah di antara mereka.”

2. Dalam surah Āli ‘Imrān ayat 159 (ertinya):

“Dan bermusyawarahlah kamu dengan mereka di dalam segala perkara.”

Ayat yang pertama memerintahkan bermusyawarah di dalam segala perkara, mulai dari soal pemilihan kepala negara sampai kepada soal pemerintahan hari-hari sedang ayat yang kedua pula adalah menjadi perintah kepada kepala negara dan kepala daerah sesudah selesai pemilihannya, yang menuntut supaya ia bermusyawarah dengan rakyat dalam segala perkara yang hendak dijelankannya.

Jelasnya, hukum dan hak-hak musyawarah di dalam Islam sangatlah luasnya. Menurut penjelasan alim ulama Islam, hak-hak musyawarah dapat dilakukan atas lima macam.

1. Musyawarah dalam pemilihan kepala negara (musyawarah *fi* membay’ah *al-khalīfah*).

Amalan musyawarah ini sudah pernah dilakukan dalam zaman Khulafā’ al-Rashidīn, dengan empat cara (ketika memilih empat khalifah silih berganti: Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan ‘Alī – P.), iaitu cara-cara pemilihan – sebagaimana yang dikatakan oleh Dr. Hasan Ibrahim Hasan – tidak kalah demokrasinya dari pemilihan kepala negara mana jua pun dalam zaman moden ini.

2. Musyawarah dalam pembentukan undang-undang (*mushawwarah fi al-tashrī‘*)

Bahagian ini sangatlah penting ertinya, langsung mengenai pekerjaan perundangan. Pekerjaannya ialah menetapkan peraturan-peraturan dan hukum-hukum yang akan dijunjung dan akan

(Sambungannya pada muka 39)

(Sambungan dari muka 23)

dipikul oleh seluruh rakyat. Dalam tiap-tiap negara demokrasi padan zaman moden ini, tidak akan sah sesuatu undang-undang, apalagi yang akan menjadi beban dan pikulan rakyat, melainkan terlebih dahulu harus dengan persetujuan anggota-anggota parlimen yang mewakili rakyat. Tidak ada suatu kekuasaan jua pun yang dapat mengurangi hak musyawarah dalam pembentukan undang-undang ini kecuali hukum-hukum Allah Ta'ālā dan hadis Nabī yang dijadikan pedoman dan asas yang tertinggi.

Termasuk juga dalam tugas pembentukan undang-undang dasar (perlembagaan). Pada umumnya pekerjaan ini tidaklah dirangkap oleh Dewan Perwakilan Rakyat (parlimen), yang mengerjakan “undangan” dia dikerjakan oleh sesuatu dewan yang tersendiri, yang dinamakan “Majlis Undangan”.

3. Musyawarah tentang siyasah dan pertadbiran (*mushawwarah fī al-siyāsah wa al-idārah*). Terbawa oleh pembahagian pekerjaan dalam negara, ada yang menjadi pengelaksana, yang harus memikul tanggungjawab pemerintahan, maka bahagian ini ialah untuk menguasai siyasah yang dijalankan oleh pemerintah yang menjadi pengelaksana itu.

4. Musyawarah tentang keamanan dan peperangan (*mushawwarah fī al-amni wa al-jundiyyah*). Bahagian ini adalah termasuk dalam soal yang mustahak, kerana akan meliputi nasib segala lapisan rakyat.

5. Musyawarah tentang kehakiman dan pengadilan (*mushawwarah fī al-qaḍā' wa al-aḥkām*). Perintah musyawarah berlaku juga atas pekerjaan-pekerjaan yang mengenai pengadilan.

Tentang perkara hukum, ditegaskan bahawa selain daripada hukum-hukum yang telah disahkan (baik dari Qur'ān

dan hadis, mahupun dari peraturan-peraturan negara).

Hakim-hakim melakukan musyawarah terhadap soal-soal yang belum ada hukumnya.

Di dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya “*al-Awsaṭ*”, dan Abū Sa'īd dalam kitabnya “*al-Qaḍā'*” (Kehakiman), ada diceritakan bahawa seorang hakim Islam yang terkenal ialah 'Alī bin Abī Ṭālib datang bertanya kepada Nabī: “Ya Rasullullah! Jikalau saya didatangi suatu perkara yang belum ada keputusannya disebutkan di dalam Qur'ān dan hadis, maka hukum apakah yang Tuhan perintahkan kepada saya?”

“Bawalah perkara itu ke dalam musyawarah orang-orang yang ahli, yang jujur dan yang baik di antara kamu, dan janganlah kamu putus dengan pendapat kamu sendiri.” Jawab baginda.

Nyatalah hukum musyawarah mengatasi akan kehakiman dan pengadilan. Al-Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā, di dalam tafsirnya (*Tafsīr al-Manār*) memberi huraian: “Di dalam hadis ini ada perkataan: “Bawalah ke dalam musyawarah di antara kamu”, padahal orang yang menerima sabda Nabī pada waktu itu hanyalah seorang sahaja, iaitu 'Alī bin Abī Ṭālib. Nyatalah maksudnya bahawa soal kehakiman itu urusan sekalian kaum Muslimin, dan nyata pula bahawa musyawarah orang-orang yang ahli di sini ialah musyawarah wakil-wakil rakyat yang menjadi *ūlī al-amr*.”

Maka berdasarkan tugas mereka yang bermacam-macam itu *ūlī al-amr* sebagai anggota-anggota majlis musyawarah, tidaklah hanya anggota-anggota satu majlis sahaja. Semua anggota dari berbagai majlis musyawarah yang diadakan yang bersifat perwakilan suara rakyat, semuanya dinamakan *ūlī al-amr*.

(Demikian menurut kupasan al-Ustādh Zainal Abidin Ahmad.)